

PKR cadang kecilkan skala RAPID, pindah ke Kertih
Malaysian Insider
05 Oktober, 2012
Oleh Nomy Nozwir

PETALING JAYA, 5 Okt — PKR bercadang untuk mengecilkan projek penapisan dan intergrasi petrokimia (RAPID) di Pengerang, Johor ke Kertih, Terengganu jika menang dalam pilihan raya akan datang.

Ketua Biro Pelaburan dan Perdagangan PKR, Wong Chen, berkata, Kertih sudah mempunyai infrastruktur yang baik seperti pusat perindustrian Gebeng dan pelabuhan Kuantan.

“Jika dibina di Pengerang, apakah nasib perindustrian petrokimia di Kertih, adakah ia mampu berjalan seperti biasa?” kata Wong dalam sidang media di ibu pejabat parti hari ini.

Menurut Wong, PKR juga mencadangkan agar projek RAPID dikecilkan skalanya memandangkan pasaran utama Malaysia iaitu China dan India sedang membina loji penapisan mereka sendiri yang lebih besar.

“Seharusnya kita membina loji penapisan yang berkapasiti 150,000 tong sehari (bpd) daripada kapasiti RAPID yang dicadangkan iaitu 300,000 bpd sehari.

“Kita harus memikirkan bahawa China dan India sedang membina loji mereka sendiri, di samping menghadapi persaingan dari Korea Selatan, Arab Saudi dan Mesir yang juga membina loji penapisan bagi tujuan eksport,” kata Wong lagi.

Kata Wong lagi, PKR bimbang jika projek RAPID yang bernilai RM60 billion itu akan menjadi projek gajah putih apabila siap kelak.

“Kenapakah kerajaan masih mahu terburu-buru untuk membuat pertaruhan besar-besaran sebanyak RM60 bilion ini apabila jelas menunjukkan ketidakpastian pasaran China dan India?

“Kenapakah Petronas tergesa-gesa untuk melihat pasaran produk hiliran sedangkan semua syarikat minyak antarabangsa seperti Shell dan Exxon berhati-hati terhadap industri ini?

“Saya mahu memberi peringatan mesra kepada teknokrat-teknokrat di Petronas, bahawa anda adalah penjaga khazanah negara dan masa depan anak-anak kita.

“Tuan anda yang sebenar adalah rakyat dan bukan perdana menteri,” kata Wong lagi.

Kata Wong, RAPID tidak patut digunakan sebagai satu alasan untuk membenarkan orang-orang politik dan peniaga yang korip untuk merebut tanah orang kampung.

“RAPID juga tidak patut digesakan hanya untuk mencapai sasaran ekonomi pelaburan PEMANDU,” katanya lagi.

Wong juga berkata, penduduk Pengerang haruslah dilibatkan dan harus mempunyai ruang untuk memahami kesan dari pembangunan RAPID dari segi sosial, alam sekitar dan kegiatan ekonomi mereka yang bergantung dengan perikanan dan pertanian.

"Kami tidak menolak projek mega, tetapi kami merasakan projek ini memerlukan kajian serta boleh dijimatkan jika dibina di Kertih," katanya lagi.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-cadang-kecilkan-skala-rapid-pindah-ke-kertih/>